

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan SJKC Poay Chai, Johor sama ada KPM telah meluluskan Jawatankuasa Pembinaan Sementara untuk menukar brif projek daripada 36 bilik darjah kepada 48 bilik darjah dan (2) sama ada Kerajaan akan membayar kos pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKC Poay Chai adalah berstatus sekolah bantuan kerajaan (SBK). Pada 26 Oktober 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan permohonan untuk memindahkan lokasi SJKC ini dari lokasi asal di Kedah ke lokasi baharu di Taman Bukit Indah 2, Mukim Pulai, Johor Bahru, Johor. Ini adalah selaras dengan salah satu daripada strategi di bawah Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid (SKM), KPM supaya SKM berpindah ke lokasi lain yang berpotensi untuk berlakunya peningkatan enrolmen murid.

KPM telah menerima permohonan berhubung cadangan pembinaan SJKC ini di Johor dengan skop 36 bilik darjah dan kemudahan lain daripada Jawatankuasa Pembinaan Sementara SJKC Poay Chai. Permohonan ini telah dihantar melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor pada 29 Ogos 2019 dan telah diluluskan oleh KPM pada 6 Januari 2020.

Walau bagaimanapun, pembinaan sekolah tersebut masih belum dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini KPM tidak pernah menerima sebarang permohonan rasmi daripada Jawatankuasa Pembinaan Sementara SJKC Poay Chai berhubung cadangan perubahan skop projek daripada 36 bilik darjah kepada 48 bilik darjah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM tidak menyediakan peruntukan untuk pembinaan mana-mana sekolah yang berstatus sekolah bantuan kerajaan. Dalam hal SJKC ini, Jawatankuasa Pembinaan Sementara SJKC Poay Chai adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dana yang mencukupi bagi membiayai kos pembinaan sekolah berkenaan.

Sekian, terima kasih.